

Sabtu, 18 April 2020 | 10:42am



Pengguna membeli barang keperluan di Pasar Besar Kuantan, Kuantan -.Foto NSTP/ Asrol Awang

## KPDNHEP pergiat pantau harga barang keperluan

Oleh Asrol Awang  
bhnews@bh.com.my

**KUANTAN:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pahang mempertingkatkan pemantauan harga barang keperluan terutama ayam, daging, telur dan ikan selain sayur yang menjadi tumpuan pengguna.

Sehubungan itu, seramai 217 pegawai penguat kuasa dan pemantau harga KPDNHEP Pahang melakukan pemantauan harga barang keperluan setiap hari sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan pada 18 Mac lalu.

Ketua Pegawai Penguatkuasanya, Ahmad Fitri Ali, berkata pemantauan itu membabitkan pemeriksaan di 43 pasar awam di seluruh Pahang, diikuti 98 pasar raya, 1,357 kedai runcit dan 178 kedai serbaneka.

Katanya, kementerian itu juga turut melakukan pemeriksaan di 209 farmasi untuk memastikan pengguna mendapat bekalan dan membayar pada harga berpatutan.

“Oleh itu, kita harap harga barang keperluan tidak naik sepanjang tempoh PKP ini,” katanya ketika dihubungi, hari ini.

Sementara itu, Ahmad Fitri berkata, seramai 10 peniaga di Pahang dikompaun RM100 setiap individu atas pelbagai kesalahan sepanjang tempoh PKP sejak 18 Mac lalu hingga kelmarin.

Daripada jumlah itu, katanya, lapan peniaga didapati melakukan kesalahan gagal meletakkan tanda harga manakala dua lagi peniaga atas kesalahan alat penimbang tamat tempoh.

“Antara kesalahan tiada harga membabitkan jualan gula, bawang, minuman, sayuran dan nasi ayam.

“Kesalahan itu dilakukan mengikut Akta Kawalan Harga Anti Pencatutan (AKHAP) 2011 manakala kesalahan alat penimbang tamat tempoh pula mengikut Akta Timbang dan Sukat (ATS) 1972.

“Sepanjang tempoh PKP, kami menerima 127 aduan daripada pengguna antaranya membabitkan harga, barang tiruan, perkhidmatan mengelirukan dan bengkel kenderaan bermotor.

“Daripada jumlah itu, sebanyak 47 aduan berjaya diselesaikan manakala baki 80 aduan lagi masih dalam siasatan.

“Oleh itu, pengguna yang ingin mendapatkan maklumat atau membuat sebarang aduan boleh menghubungi KPDNHEP Pahang,” katanya.

<https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/04/678507/kpdnhep-pergiat-pantau-harga-barang-keperluan>

